

## KHUTBAH JUMAAT

### “PEGANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH ASYA’IRAH MATURIDIYYAH: BENTENG AKIDAH UMMAH”

(25 Oktober 2024M/ 22 Rabiulakhir 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ  
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “ **Pegangan**

## ***Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah: Benteng Akidah Ummah***".

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Akidah merupakan satu perkara yang amat berharga dalam diri manusia. Ia merupakan syarat utama bagi menentukan kedudukan seseorang di hari akhirat kelak. Orang yang mempunyai iman dalam hatinya pasti akan menjadi ahli syurga, walaupun mungkin disiksa terlebih dahulu dalam neraka kerana dosa-dosanya. Manakala orang yang kufur, dia akan kekal di dalam neraka selama-lamanya. Justeru, iman adalah perkara yang teramat penting. Ia adalah sebab terselamat daripada kekal di dalam neraka.

Akidah yang boleh menyelamatkan seseorang daripada kebinasaan di hari akhirat kelak ialah akidah yang terbina di atas keyakinan yang teguh terhadap perkara-perkara keimanan yang berdasarkan dalil yang benar dan hujah yang yakin. Ini bermakna, keimanan itu hendaklah dibina atas asas dalil, bukannya taklid semata-mata agar keyakinan tersebut tidak goyah jika datang syubhat dan kekeliruan. Tidak memadai hanya sekadar ikutan dan taklid buta dalam perkara akidah, yang boleh tergugat apabila datangnya serangan pemikiran dan ideologi.

Umat Islam kini, diserang berkaitan akidah dari dalam dan luar. Serangan dari dalam adalah ancaman ajaran sesat yang menggunakan nama Islam dan dibawa oleh orang yang mengaku Islam. Manakala ancaman luar adalah serangan daripada musuh-musuh Islam yang tidak beriman dengan Allah *subhanahu wata'ala*

dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Serangan-serangan ini pula datang dalam pelbagai bentuk, antaranya:

**Pertama:** Pembawaan ideologi-ideologi yang bertentangan dengan prinsip Islam seperti 'Liberalisme' (fahaman kebebasan secara mutlak) , 'Pluralisme' (fahaman yang mendakwa semua agama adalah sama) dan 'Ateisme' (fahaman yang menolak kewujudan Tuhan).

**Kedua:** Syubhah dan kritikan yang disasarkan kepada prinsip akidah dan syariah seperti mempertikaikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah, menganjurkan pegangan tidak bermazhab dan mencela para sahabat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

**Ketiga:** Mempertikai, mengkritik kredibiliti, bahkan menyesatkan para ulama yang muktabar dalam kalangan umat Islam seperti Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari, Imam ar-Ramli dan Imam al-Subki *rahimahumullah*.

Semua cabaran dan serangan ini, perlu ditangani oleh setiap muslim dengan melengkapkan diri dengan akidah yang sahih iaitu Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah Asya'irah Maturidiyyah. Caranya ialah dengan menghadiri pengajian khusus berkaitan akidah, berpandukan kitab yang muktabar dan bimbingan guru yang mahir.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, merupakan akidah yang dibawa oleh Baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat Baginda. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*:

((... وَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً.  
قَالُوا: وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي))

**Maksudnya:** ... Dan akan berpecah umatku kepada tujuh puluh tiga golongan, kesemuanya dalam neraka kecuali satu golongan sahaja. Para sahabat bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Jawab Baginda: (Mereka yang mengikut) apa yang dijalani oleh aku dan sahabatku.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Berdasarkan riwayat hadis tersebut dan riwayat-riwayat lain yang seerti dengannya, para ulama telah membuat kesimpulan bahawa maksud mereka yang mengikut sunnah Rasul dan para sahabat ialah golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah satu pegangan yang berakar umbi dari ajaran yang dibawa oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. dan para sahabat Baginda. Kemudian, disusun dengan lebih bersistem dan teguh oleh dua tokoh imam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Imam Abu al-Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi *rahimahumallahu*.

Dengan berpandukan kitab-kitab muktabar (yang diiktiraf dan menjadi rujukan oleh para ulama) dan bimbingan guru yang mahir dalam akidah, kita dapat memahami ilmu akidah mengikut acuan yang ditetapkan Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah. Antara kitab muktabar yang menjadi rujukan di dunia Islam ialah Qawa'id al-'Aqid, Akidah Nasafiah, Akidah Sanusiah, Jauharah

Tauhid, Kharidah Bahiyyah, Akidatul Awam, Faridatul Faraid, Akidatun Najin dan Bakurah Amani.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Secara ringkas, ciri-ciri akidah dan iktikad yang dipegang oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah:

**Pertama:** Beriman bahawa Allah *subhanahu wata'ala*, Zat Yang Maha Esa, Qadim (tiada permulaan bagi wujud-Nya), Kekal selamanya tidak binasa, tiada sekutu dan tiada tandingan-Nya.

**Kedua:** Beriktikad bahawa Maha Suci Allah *subhanahu wata'ala* daripada menyerupai dengan makhluk-Nya sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya dan juga perbuatan-Nya, serta Maha Suci Ia daripada segala makna kekurangan.

**Ketiga:** Meyakini bahawa Allah *subhanahu wata'ala* Maha Berkuasa, Maha Berkehendak, Maha Mengetahui, Maha Hidup, Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha berkata-kata dan segala sifat kesempurnaan adalah milik-Nya.

**Keempat:** Beriktikad bahawa sebagaimana Allah *subhanahu wata'ala* sahaja yang mencipta semua alam ini, hanya Allah *subhanahu wata'ala* jua yang menciptakan segala perbuatan hamba. Hamba dikurniakan Allah memiliki usaha dan ikhtiar sahaja dalam perbuatan mereka.

**Kelima:** Beriman dengan Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagai penutup para rasul, serta beriman dengan rasul-rasul sebelum baginda. Mereka bersifat dengan Siddiq, Amanah,

Fathonah dan Tabligh, serta sifat-sifat manusia yang tidak mengurangkan darjat kerasulan mereka.

**Keenam:** Mempercayai segala yang dibawa oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* berkaitan malaikat, kitab-kitab, mukjizat, azab kubur, hari akhirat, syurga, neraka dan perkara-perkara berkaitan dengan kehidupan selepas mati.

**Kaum muslimin yang berbahagia,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

**Pertama:** Hanya dengan akidah yang sahih dan berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja dapat menjamin kebahagiaan yang kekal di negeri akhirat

**Kedua:** Menghindari segala bentuk ajaran, fahaman atau ideologi bersifat ekstrem, fanatik atau taksub, menghina atau memperlekeh para sahabat, dan para ulama mazhab, sering menyalahkan pandangan lain yang tidak selari atau sependapat dalam perkara-perkara keagamaan, mempertikai amalan ibadah harian, mingguan dan tahunan berkaitan kematian, bacaan al-Quran dan solat, seperti bacaan talqin, tahlil, surah Yasin, doa qunut, wirid dan doa berjemaah, sambutan maulidur Rasul dan sebagainya.

**Ketiga:** Menghadiri majlis ilmu dan kelas-kelas pengajian akidah yang diajar oleh para ulama dan guru-guru yang mahir dan diberi tauliah oleh Majlis Islam Sarawak.

**Keempat:** Bersatu hatilah mempertahankan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menolak segala ajaran, fahaman atau ideologi yang bertentangan dengannya

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 153:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن  
سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٥٣)

**Maksudnya:** *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan berusaha memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya keikhlasan adalah intipati kepada semua ibadah yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagaimana perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.